

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HGT 211 - Teknik-Teknik dalam Geografi I

Tarikh: 2 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.

( 3 jam )

Jawab TIGA(3) soalan. SOALAN NO. 1 MESTI dijawab dan DUA(2) soalan yang lain.  
Soalan 1 membawa 40 markah dan soalan-soalan lain membawa 30 markah tiap-tiap satu.

1. Soalan ini adalah berdasarkan kepada Peta Topografi Malaysia siri L 7010, syit 93, Port Swettenham dan Kelang, 1 : 63360. Semua jawapan hendaklah berdasarkan bukti-bukti dari peta sahaja.

- (a) i. Apakah dimaksudkan dengan selang kontor?  
(2 markah)
  - ii. Apakah maklumat-maklumat yang boleh diterbitkan di dalam peta topografi ini dan apakah fungsi-fungsi garis kontor ini.  
(5 markah)
  - iii. Kirakan ketinggian bandingan dan ketinggian mutlak kawasan yang diliputi oleh peta ini.  
(3 markah)
- (b) Jelaskan taburan berbagai jenis paya yang terdapat di dalam peta ini. Adakah ia digunakan secara ekonomik? Nyatakan sebab-sebabnya.  
(10 markah)
- (c) Bincangkan berbagai ciri pantai yang terdapat di sepanjang kawasan pantai yang diliputi oleh peta ini.  
(10 markah)
- (d) Ulas mengenai lokasi, tapak dan susunatur bandar Kelang. Nyatakan arah perkembangan yang mungkin berlaku apabila bandar ini berkembang.  
(10 markah)

.../2

2. Kecilkan kawasan yang diliputi oleh syit 93 kepada sekil 1 : 15840. Di dalam peta yang dilukiskan itu, tunjukkan jenis-jenis gunatanah utama dan kaitannya dengan ciri-ciri fizikal.  
(30 markah)
3. Tuliskan nota ringkas tentang:
  - (a) Perbandingan serentak (simultaneous contrast)  
(10 markah)
  - (b) Persembahan data-data mengikut peringkat 'ordinal'  
(10 markah)
  - (c) Perhubungan di antara saiz titik dengan nilai titik  
(10 markah)
4. (a) Semua jenis projeksi peta cuba mengekalkan sifat-sifat asal permukaan bumi. Nyatakan dan jelaskan sifat-sifat utama itu.  
(10 markah)  
(b) Dengan bantuan gambarajah, jelaskan dengan ringkas empat kumpulan projeksi peta yang terbesar.  
(20 markah)
5. Dari sebuah peta yang bersekil 1 : 63360, anda dikehendaki membuat satu analisis tapak sebuah kawasan seluas 500 hektar untuk dimajukan sebagai sebuah kawasan perumahan. Nyatakan dengan ringkas langkah-langkah yang perlu diambil di dalam menyediakan laporan ini.  
(30 markah)

-ooo000ooo-